JKP SDN. BHD.
Co. No. 350606 W

KENYATAAN SEBUT HARGA

1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk / Butiran Sebut Harga	Syarat Kelayakan Penyebut Harga	Tarikh Tutup
Cadangan Pelantikan Syarikat Insurans Bagi Pembaharuan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Kebakaran Bangunan, Premis Perniagaan dan Kediaman Milik JKP Sdn. Bhd. bagi Tahun 2023 Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/HARTA/2022/18	a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM) - Lesen Perniagaan Pembrokeran Insurans	**08hb. Disember, 2022** Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

2) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di:-
Bahagian Kontrak
JKP Sdn. Bhd.
Tingkat 14, Menara JKP,
No. 128, Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang.

pada waktu berikut:-
Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 tgh
: 2.00 ptg - 4.30 ptg
Jumaat : 9.00 pg - 12.00 tgh
: 2.45 ptg - 4.30 ptg

3) Tempoh sebut harga adalah dari **25hb. November, 2022** hingga **08hb. Disember, 2022**.

4) Penyebut harga mesti membawa **salinan Sijil ASAL (ORIGINAL) semua Dokumen seperti yang disyaratkan di dalam jadual** berserta **Perakuan Pendaftaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (untuk tuntutan SST)** dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika ada) **yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku** serta sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga.

5) Penyebut harga mesti mengemukakan **sesalinan Pendaftaran Syarikat SSM, Lesen Perniagaan Pembrokeran Insurans oleh BNM, Perakuan Pendaftaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (tujuan tuntutan SST) dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) yang masih dalam tempoh sahlaku, Profil Syarikat berserta Penyata Bank Syarikat tiga (3) bulan terkini** ketika menghantar Dokumen Sebut Harga.

6) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat **berlakri (*sealed*) BERASINGAN** seperti di **Senarai Semak** dan **bertanda Nombor Sampul, Nombor Sebut Harga JKP/Q/HARTA/2022/18** serta **Tajuk Sebut Harga**.

7) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

8) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.